

16/05/2000

Tanpa idealisme belia akan statik, beku

KEPESATAN pembangunan dan matlamat menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020, banyak bergantung kepada tahap kemahiran, pendidikan dan etika kerja positif di kalangan belia. Selain memupuk potensi bakat dan mengembleng tenaga untuk menyumbang secara berkesan, belia juga mesti digerakkan untuk memiliki nilai moral dan etika tinggi kerana ia adalah tunjang kepada pembangunan fizikal dan rohaniah.

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000 (RM-7) menetapkan bahawa teras pembangunan belia adalah menyediakan mereka dengan kemahiran sesuai pada alaf ini bagi meningkatkan penyertaan dan sumbangan golongan itu memajukan Malaysia. Belia juga mesti dipastikan memiliki kualiti kepimpinan tinggi dan nilai positif. Penyertaan cergas mereka dalam apa juga kegiatan sosial termasuk sukan dan kebudayaan pula mesti dipertingkatkan kerana mereka adalah alat utama mewujudkan perpaduan, setiakawan dan semangat kerjasama di kalangan masyarakat berbilang kaum.

Tidak dapat dinafikan perbandaran yang pesat membangun semakin memberi kesan kepada nilai dan gaya kehidupan belia kita hari ini khususnya di bandar-bandar utama. Pembangunan sistem komunikasi dan rangkaian komputer antarabangsa seperti multi media semakin mencetuskan cabaran kepada terhakisnya nilai dan budaya tradisional di kalangan belia kita. Justeru, setiap program pembangunan belia memerlukan orientasi semula, pendekatan dan penekanan baru yang lebih kreatif dan bermanfaat besar. Ia meliputi program yang menjadikan mereka bertoleransi, berdaya saing, keusahawanan, gaya hidup sihat, beretika, semangat juang, demokratik, liberal serta memajukan sains dan teknologi. Penekanan juga mesti diberikan kepada memperkukuhkan institusi keluarga dan peranan ibu bapa dalam memupuk nilai moral dan kerohanian.

Atas keperluan dan keyakinan inilah, kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawab dan tugas berat mereka terhadap belia. Buat pertama kalinya dalam sejarah pentadbiran dan pengurusan negara ini, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Hal Ehwal Belia ditubuhkan, dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri. Jawatankuasa ini akan menjadi nadi yang bakal menggerakkan belia kita menuju wawasan yang dicita-citakan menerusi pelbagai program yang akan disusun. "Bersama Menghadapi Cabaran Alaf Baru" adalah tema sambutan Hari Belia Negara tahun ini. Selaras dengan tema itu, kita yakin dasar serta program yang bakal dianjurkan oleh jawatankuasa Kabinet itu akan dapat menyuntik semangat dan idelisme baru di kalangan anak muda kita. Seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri semalam, idealisme yang jelas amat penting bagi belia dan anak muda Malaysia untuk negara melangkah ke satu tahap yang lebih maju daripada sekarang. Segalagalanya boleh dilakukan sekiranya belia mempunyai cita-cita besar dan idealisme positif untuk menjadikan Malaysia lebih kuat, maju dan terbilang. Walaupun mungkin tidak mencapai kejayaan sepenuhnya, tanpa idealisme belia kita akan statik dan beku serta kekal berada pada takuk lama. Idealisme jelas yang disulami dengan amalan nilai hidup baik akan menjadi penggerak kepada belia untuk memiliki disiplin tinggi dan mengisi diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Lantas, ini akan mendorong mereka menghasilkan produktiviti maksimum yang akan memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga, bangsa dan Malaysia.

Namun di sebalik segala usaha dan dorongan ibu bapa serta bantuan kerajaan agar belia dapat mencipta kecemerlangan, belia Malaysia tidak seharusnya mudah lupa daratan. Kita mesti sentiasa ingat bahawa satu

ketika disebabkan penjajahan, bangsa Malaysia merempat di tanah tumpah darahnya sendiri. Sehubungan itu, belia mesti belajar menjadikan sejarah sebagai teladan. Tidak mustahil, satu hari jika leka dan terpedaya dengan mainan jarum beracun kuasa luar, kita akan kembali dijajah. Kepada belia semua, marilah kita merenung sejarah diri, bersyukur atas nasib kita hari ini serta berterima kasih kepada nenek-moyang yang banyak berjasa berjuang demi mendaulatkan bangsa Malaysia. Semua ini harus dijadikan bekal dan azimat untuk kita bekerja dengan lebih kuat seterusnya membina benteng kukuh mempertahankan bangsa dan tanah air dari serangan musuh. Rasa syukur itu perlu ada. Bandingkanlah nasib yang dialami golongan belia di beberapa negara lain. Mereka langsung tidak mempunyai masa depan dan arahtujuan yang jelas. Ini diburukkan lagi oleh sikap kerajaan mereka yang langsung tidak mahu mengambil berat.

(END)